

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Laporan Pembentangan Dalam Persidangan “The 7<sup>th</sup>  
International Conference On Islam In Malay World  
(ICON-IMAD VII) : Strengthening the Moderate Malay  
Islam in Southeast Asia”<sup>1</sup>**

### **PENGENALAN**

Persidangan ini dinamakan “The 7<sup>th</sup> International Conference On Islam In Malay World (ICON-IMAD VII)” dan diadakan di Puri Khatulistiwa Hotel & Sumber Alam, Garut. Persidangan yang berlangsung selama tiga hari iaitu bermula 19hb September hingga 21 September 2017 dianjurkan oleh Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati Bandung (UIN SGD Bandung). Persidangan ini adalah rentetan daripada persidangan ICON-IMAD sebelumnya. Pada tahun 2016 iaitu pada ICON-IMAD VI penganjurannya diterajui oleh Universiti Islam Sultan Sharif

<sup>1</sup> Laporan ini ditulis adalah dengan merujuk Laporan Menghadiri Persidangan ICON-IMAD VII yang telah dihadapkan ke Bahagian Sumber Tenaga Manusia, UNISSA pada 25 September 2017. Maklumat umum adalah sama dengan laporan yang telah lalu. Walau bagaimanapun, dalam laporan ini fokus laporan lebih menjurus kepada pembentangan kertas-kertas projek penyelidikan yang mengutarakan konsep *Wasatiyyah*.

Ali (UNISSA) dan diadakan di kampus UNISSA, Gadong, Brunei Darussalam. ICON-IMAD diadakan saban tahun bermula pada tahun 2011 dengan UIN SGD Bandung dan Universiti Malaya sebagai pengajur dan berlangsung di Bandung. Seterusnya pada tahun 2012 ia diadakan di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia. Begitulah seterusnya silih berganti diadakan secara tahunan antara dua institusi ini sebelum Kolej Pengajian Islam, Prince Songkla University menyertai gabungan ini pada tahun 2015. Kemudian pada tahun berikutnya iaitu pada tahun 2016 ICON-IMAD menambah keahliannya dengan penyertaan UNISSA mewakili Negara Brunei Darussalam.

Pada persidangan ke-7 ini perbincangan menonjolkan isu atau konsep *Wasatiyyah* di alam Melayu dengan tema “Strengthening The Moderate Malay Islam In Southeast Asia”. Persidangan ini merupakan antara medan pertemuan paling besar para sarjana, ahli akademik dan para penyelidik dari institusi-institusi pengajian tinggi Islam di rantau Nusantara ini. Pada kali ini ia berjaya menghimpun lebih 100 pembentang dari empat buah institusi mewakili empat negara Melayu serumpun. Sebanyak 13 buah kertas kerja daripadanya adalah daripada kajian tenaga akademik UNISSA. Termasuklah pembentangan sebuah projek penyelidikan UNISSA mengenai *Wasatiyyah* yang sedang dalam pengkajian. Pembentangan diadakan dalam sebuah sesi panel diskusi khas. Turut sama hadir dalam persidangan ICON-IMAD kali ini ialah Yang Mulia Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rektor UNISSA.

## HAL BERKENAAN DENGAN PERSIDANGAN

### Objektif Persidangan:

1. Mengambil faedah daripada para sarjana dan intelektual dalam pengembangan kemajuan pengajian pendidikan Islam, di mana pembangunannya adalah berdasarkan pendekatan konsep *Wasatiyyah*.
2. Menjadi medan sumbang saran negara-negara Melayu serantau bagi menangani masalah ekstremisme dan radikal yang dilihat semakin menggugat keamanan sejagat.

### Kertas Pembentangan:

Antara kertas-kertas pembentangan yang menyentuh secara langsung mengenai konsep Wasatiyyah:

1. Prof. Madya Dr Ahmad Fadhel Yousif – “**Global Peace**” in Higher Educational Institutions in Southeast Asia: A Study on Moderation in Brunei Darussalam.

Kertas ini menyentuh mengenai sejarah perkembangan Islam di Brunei Darussalam. Bermula daripada zaman pemerintahan Sultan Sharif Ali iaitu sultan Brunei ketiga memerintah pada kurun ke-15. Seterusnya Islam terus berkembang pesat sehingga ke hari ini. Justeru, kertas ini membincangkan dengan memfokuskan perkembangan Islam dalam pemerintahan KDYMM Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadien Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Raja

dan Sultan yang ke-29. Kertas menyatakan beberapa contoh perkembangan dalam organisasi kerajaan dan bukan kerajaan termasuklah institusi pendidikan dan kewangan. Dalam perspektif pendidikan, kertas menonjolkan aspek-aspek keislaman yang jelas dalam kurikulum pendidikan negara dari sekolah rendah hingga ke institusi pengajian tinggi. Selanjutnya kertas juga membincangkan mengenai peranan media dalam menyebarluaskan aktiviti berbentuk keagamaan. Selain mengkhususkan rangkaian radio “Nur Islam” sebagai platform untuk menyiarkan program keagamaan, rangkaian dan stesyen TV serta radio lain juga menempah beberapa rancangan agama khusus bagi rangkaian mereka.

2. Lilly Suzana Shamsu – **Pemerkasaan Pendidikan Muslimah Mengikut Konsep Wasatiyyah di Negara Brunei Darussalam: Suatu Tinjauan.**

Kertas ini membincangkan mengenai istilah *Wasatiyyah* yang pada dasarnya disebutkan dalam al-Qur'an al-Karim. Namun definisi dan huraiannya adalah rencam. Istilah ini diakui mempunyai tafsiran klasik daripada ulama silam tetapi penggunaannya dalam praktis hidup harian masih perlu diperjelas. Terdapat segelintir pihak melihatnya daripada perspektif politik dan sebahagiannya membahas dari sudut bahasa. Justeru dalam Majlis Ilmu 2015 KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam menyarankan untuk terus menggali tentang isi dan falsafahnya sekalipun telah ramai memperkatakannya. Ini

bertepatan dengan falsafah negara MIB (Melayu Islam Beraja) dan aspirasi Negara Zikir yang dilihat mempunyai hubungan yang akrab dengan konsep *Wasatiyyah*. Lantas, kertas ini merupakan usaha UNISSA dalam mengkaji sejauh mana konsep Rabbani ini diaplikasikan dalam sistem pendidikan negara. Kajian akan memfokuskan kepada perkembangan pendidikan kaum muslimah sejak Dasar Pendidikan Negara diwujudkan. Perolehan data dan statistik daripada Laporan Tahunan Pendidikan menjadi platform dalam menganalisis di samping dokumen rasmi kerajaan yang berkaitan. Ringkasnya kajian akan menggunakan metodologi kepustakaan dan disampaikan secara deskriptif dan naratif. Secara menyeluruh kajian mendapati konsep *Wasatiyyah* sememangnya telah ada dalam sistem pendidikan negara. Ini jelas dengan tiada sekatan gender dalam memasuki alam persekolahan bahkan peluang dibuka seluasnya kepada semua kanak-kanak. Di samping itu, kerajaan juga menawarkan dan menggalakkan pembelajaran berterusan dengan memberikan kelas-kelas kepada muslimah dewasa untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam berbagai bidang.

3. Nurhafizatulhikmah binti Haji Seribini - ***Wasatiyyah as an Instrument for Student Development at the Sultan Sharif Ali Islamic University (UNISSA).*** Kertas ini adalah mengenai konsep *Wasatiyyah* yang dijadikan wadah dalam pembangunan pelajar khususnya dalam institusi pengajian tinggi Islam

seperti UNISSA. Dalam konteks ini kertas membincangkan inisiatif UNISSA yang diasaskan kepada konsep *Wasatiyyah* dalam pembangunan para pelajarnya sama ada dalam kurikulum atau ko-kurikulum serta sosio-budaya persekitarannya. Konsep Wasatiyyah di sini menyasarkan bagi menjana pelajar yang holistik dan seimbang dalam pembangunan fizikal, mental dan spiritual pelajar.

4. Hajah Nurul Nabilah binti Haji Ali- **Economic System in Brunei Darussalam with Respect to the Application of Wasatiyyah.**

Kertas ini bertujuan untuk meneliti peranan konsep *Wasatiyyah* dalam sistem ekonomi di Negara Brunei Darussalam. Menurut takrif para sarjana Islam konsep *Wasatiyyah* itu merangkumi tiga elemen penting iaitu keadilan, keseimbangan dan terbaik. Secara umum dapat dilihat sesungguhnya negara telah mempraktikkan konsep ini sekalipun tanpa menzahirkan ungkapan *Wasatiyyah*, lantas ekonomi negara dapat ditadbir urus dengan sebaik mungkin. Oleh itu, tujuan penyelidikan dalam kertas ini adalah untuk menghuraikan sejarah dan pembangunan ekonomi Brunei selama lima dekad iaitu bermula pada tahun 1960. Di samping melihat peranan *Wasatiyyah* dalam mengembang majukan ekonomi Brunei pada tempoh berkenaan. Semua ini dengan memerhatikan dan menelusuri perkembangan sejarah menerusi dokumen-dokumen rasmi yang berautoriti.

**Laporan Pembentangan Dalam Persidangan The 7<sup>th</sup> International Conference on Islam In Malay World (ICON-IMAD VII)**

**Diskusi Panel Khas:**

Sebuah diskusi panel turut diadakan bagi projek penyelidikan mengenai “**Strategies for the Application of Wasatiyyah as a Socio-Religious Instrument in Brunei Darussalam**”. Seramai tiga penyelidik dalam projek atas geran penyelidikan UNISSA turut membentang perolehan penyelidikan yang didapati pada peringkat berkenaan. Penyelidikan masih berjalan dan pembentangan adalah lebih bersifat tinjauan awal. Kertas-kertas yang disebutkan di atas (kedua, ketiga dan keempat) merupakan kertas penyelidikan yang dibentangkan. Pembentangan menarik minat para sarjana yang hadir khususnya daripada UIN SGD Bandung memandangkan beberapa perbezaan dalam pentakrifan istilah *Wasatiyyah* itu sendiri. Banyak respon atau *feedback* yang diterima dan semuanya memberikan manfaat kepada kelangsungan penyelidikan ini. Penyelidik-penyelidik yang hadir adalah Profesor Madya Dr Ahmad Fadhel Yousif, Dr Lilly Suzana binti Haji Shamsu dan Nurhafizatulhikmah binti Haji Seribini. Sementara kertas bagi Hajah Nurul Nabilah binti Haji Ali (yang berhalangan hadir) dibacakan oleh Ketua Penyelidik iaitu Prof. Madya Dr Ahmad Fadhel Yousif yang juga bertindak sebagai moderator dalam sesi diskusi panel ini.

**Pembentangan Menarik:**

Format persidangan menyediakan beberapa pembentangan khas atau ucaptama yang dijemput daripada semua ahli ICON-IMAD di samping sesi pembentangan selari. Pelbagai isu khususnya mengikut negara pembentang diketengahkan dan dikongsikan.

**Antara yang menarik ialah kertas bertajuk “Menakar Peran PTKI (Perguruan Tinggi Keagamaan Islam) Dalam Mensosialisasikan Islam Moderat di Indonesia” Oleh Rosihan Anwar, Profesor di Fakulti Usuluddin, UIN SGD Bandung.**

Kertas bertujuan menyoroti sumbangan yang diberikan PTKI dalam menangani isu terorisme dan radikalisme yang dikaitkan dengan nama Islam. Justeru, kertas mencadangkan adanya kurikulum khusus dengan konsep *Wasatiyyah* di pengajian tinggi Islam. Antara ciri-ciri yang dicadangkan bagi kurikulum berkenaan ialah penjelasan mengenai sejarah aliran-aliran pemikiran dan mazhab fiqh dalam Islam. Seterusnya pemahaman mengenai keragaman yang wujud dalam pengamalan ajaran Islam. Di samping pengurusan yang bijak dalam situasi yang konflik. Walau bagaimanapun, perkara ini masih dalam peringkat awal perbincangan pihak atasan dan belum diimplementasikan. Banyak perkara perlu diambil kira sebelum menyampaikannya kepada masyarakat umum apatah lagi dengan penggunaan “Islam Moderat” yang memungkinkan mencetuskan kekeliruan pada khalayak umum.

Kertas ini sangat membantu dalam kajian projek penyelidikan *Wasatiyyah* yang diselenggarakan oleh UNISSA. Ini kerana secara umum pengertian konsep Wasatiyyah adalah berbeza dalam kalangan negara serantau, lantas ia memerlukan pengkajian dan penelitian lebih mendalam.

## **ULASAN DAN PANDANGAN**

(Ulasan berkenaan seminar seperti impak, implikasi, positif/negatif terhadap para pembentang & peserta)

- a. *Professional networking:* mengenali ahli akademik-akademik dalam skop atau bidang penyelidikan dan dikenali di kalangan akademik. Termasuk pemimpin tertinggi kebanyakan institusi pengajian tinggi yang hadir dalam persidangan ini.
- b. *Menimba ilmu pengetahuan:* Dapat belajar daripada akademik-akademik yang lain untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mengenai dengan bidang masing – masing. Di samping kemahiran pengurusan sebuah pengajian tinggi khususnya dalam landskap pendidikan global yang sangat pantas berubah mengikut industri.
- c. *Meningkatkan kualiti penyelidikan:* Dapat meningkatkan kualiti kertas kerja melalui soalan yang diajukan dan komen yang diterima semasa pembentangan.
- d. *Peluang melakukan penyelidikan secara kolaborasi:* Berpeluang untuk melaksanakan *joint research paper* dengan akademik dari universiti lain (luar negara).

## **CADANGAN**

- a. Menggalakkan para tenaga akademik untuk menghadiri persidangan/seminar di peringkat serantau atau antarabangsa khususnya yang dianjurkan secara kolaborasi bersama UNISSA.

- b. Menjalankan program *mentorship* antara pensyarah berpengalaman dengan pensyarah muda dan baru untuk menghasilkan kertas kerja dan kajian.
- c. Pengurusan seminar yang lebih berstruktur dan penglibatan pelajar perlu diperkasa dalam sama-sama melibatkan dan membudayakan penyelidikan di peringkat institusi pengajian tinggi (IPT).
- d. Penyelidikan bersama tenaga akademik dalam rakan strategik yang rapat dapat memperkuuh kedudukan institusi pengajian Islam serantau dan seterusnya menyumbang kepada kemajuan komuniti ASEAN.

#### **PELAN DAN TINDAKAN SELEPAS MENGIKUTI PERSIDANGAN**

- a. Kertas kerja yang telah dibentangkan akan dikemaskini dan dijadikan artikel dalam jurnal berimpak tinggi.
- b. Kertas kerja yang telah dibentangkan akan dikongsikan dalam majlis ilmu di UNISSA. Di samping sebagai platform untuk mendapat maklum balas yang pastinya akan membantu memperbaiki kajian ini.

*Lilly Suzana Shamsu*

Fakulti Usuluddin  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)  
Negara Brunei Darussalam

[lily.shamsu@unissa.edu.bn](mailto:lily.shamsu@unissa.edu.bn)